



**PEKELILING AKADEMIK BIL. 10/2018**

Semua Pelajar Program Prasiswazah dan Pascasiswazah


Saudara/i,

**PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 3 SESI AKADEMIK 2017-2018**

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas dimaklumkan bahawa Semester 3 Sesi Akademik 2017-2018 akan diadakan mulai **25 Jun hingga 26 Ogos 2018**. Oleh yang demikian, sukacita sekiranya saudara/i dapat memberikan perhatian dan mengambil tindakan sewajarnya bagi melancarkan proses pendaftaran kursus ini mengikut sepertimana yang disenaraikan di bawah.

- a. Pendaftaran kursus akan dijalankan mulai **23 – 29 April 2018** (seminggu) secara atas talian melalui laman web <http://www.ukm.my/smpweb>. Pelajar adalah dinasihatkan supaya tidak mendedahkan NPP masing-masing untuk mengelakkan timbul permasalahan di kemudian hari.
- b. Fakulti-fakulti yang menawarkan kursus adalah seperti berikut:
  - i. Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (termasuk Pascasiswazah)
  - ii. Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
  - iii. Fakulti Pendidikan
  - iv. Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
  - v. Fakulti Sains dan Teknologi
  - vi. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
  - vii. Fakulti Sains Kesihatan
  - viii. Fakulti Farmasi
  - ix. Pusat Pembangunan Keusahawanan dan EKS (UKM-CESMED)
- c. Maklumat dan kemudahan untuk mendaftar kursus seperti berikut:

Tarikh	Tahun	Aktiviti	Tempat
23/4 - 29/4/2018	Tiga (3) dan Empat (4)	Pendaftaran Kursus dan Gugur/Tambah kursus	Semua komputer yang mempunyai capaian internet
24/4 - 29/4/2018	Terbuka		
25/6 - 29/7/2018	Terbuka	Tarik Diri Kursus	
9/7 - 15/7/2018	Terbuka	Pengesahan pendaftaran Kursus	
23/7 - 29/7/2018	Terbuka	Pengesahan masuk peperiksaan	



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 2845

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-8911 8452/8453/8454/8455/8456/8457/8458/8459/8460/8461/8465/8388/8389 Faksimili: +603-8911 8471


E-mel: [akad@ukm.edu.my](mailto:akad@ukm.edu.my) Web: <http://www.ukm.my/akademik>


- d. Pelajar yang berada dalam kategori Lulus Bersyarat (ALB) pada Semester 1 Sesi Akademik 2017-2018 dinasihatkan tidak mendaftar kursus pada semester 3 ini;
- e. Syarat-syarat pendaftaran Semester 3 adalah seperti berikut:
- i. Pendaftaran untuk Semester 3 Sesi Akademik 2017-2018 adalah pilihan kecuali untuk beberapa fakulti;
  - ii. Pelajar dibenarkan mengambil tidak melebihi tiga (3) kursus sahaja;
  - iii. Pelajar hanya boleh membuat penambahan dan pengguguran kursus semasa minggu pendaftaran kursus sahaja;
  - iv. Permohonan untuk tidak mengikuti Semester 3 bagi pelajar yang telah mendaftar kursus pada minggu pendaftaran hendaklah dibuat secara rasmi kepada Timbalan Pengarah (Akademik) setelah disokong oleh Dekan Fakulti sebelum 15.7.2018 untuk mendapat pelepasan yuran. Permohonan selepas tarikh tersebut akan dikira menarik diri daripada kursus dan diberi gred TD;
  - v. Gred-gred yang diperolehi bagi kursus Semester 3 akan diambil kira dalam Purata Nilai Kumulatif Gred (PNGK) pada semester berikutnya (Semester 1 Sesi Akademik 2018-2019);
  - vi. Tempoh pengajian Semester 3 Sesi Akademik 2017-2018 tidak diambil kira bagi menentukan tempoh maksimum yang dibenarkan untuk keperluan pengijazahan;
  - vii. Bayaran denda RM50.00 akan dikenakan jika lewat mendaftar kursus;
  - viii. Semasa pendaftaran, pelajar hanya perlu memilih butang pendaftaran kursus semasa. Pelajar perlu memastikan pendaftaran kursus dibuat untuk Semester 3 Sesi Akademik 2017-2018;

Jika menghadapi sebarang masalah mengenai perkara di atas, sila emelkan kepada [smpweb@ukm.edu.my](mailto:smpweb@ukm.edu.my) / [akad@ukm.edu.my](mailto:akad@ukm.edu.my) atau hadir ke kaunter Pusat Pengurusan Akademik / Fakulti untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

  
**MUHAMAD WALID BIN OSMAN**  
Timbalan Pengarah  
b.p. Timbalan Naib Canselor  
(Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa)



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 2845


PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon:+603-8911 8452/8453/8454/8455/8456/8457/8458/8459/8460/8461/8465/8388/8389 Faksimili:+603-8911 8471

E-mel: [akad@ukm.edu.my](mailto:akad@ukm.edu.my) Web: <http://www.ukm.my/akademik>

- s.k:
- Naib Canselor
  - Pengarah Eksekutif Pentadbiran
  - Bendahari, Bahagian Kewangan Pelajar
  - Dekan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
  - Dekan, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
  - Dekan, Fakulti Pendidikan
  - Dekan, Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
  - Dekan, Fakulti Farmasi
  - Dekan, Fakulti Sains Kesihatan
  - Dekan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
  - Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi
  - Pengarah, Pusat Pembangunan Keusahawanan dan EKS (UKM-CESMED)
  - Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat
  - Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti
  - Pengarah, Pusat Kembangan Pendidikan
  - Ketua Pustakawan
  - Pengetua Kolej
  - Pengurus/Eksekutif Kanan/Eksekutif
  - Presiden PMUKM
  - Papan-papan notis pelajar



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 2845

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon:+603-8911 8452/8453/8454/8455/8456/8457/8458/8459/8460/8461/8465/8388/8389 Faksimili:+603-8911 8471

E-mel: akad@ukm.edu.my Web: <http://www.ukm.my/akademik>